

M.P.U. 20/2003
KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (BORANG DAN FI) 2003

Kaedah 2. Borang dalam Jadual Pertama.

Borang-borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama kepada Kaedah-Kaedah ini hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang berikut:

- (a) Borang 1 hendaklah digunakan bagi permohonan untuk kebenaran berkahwin di bawah seksyen 16;
- (b) Borang 2 hendaklah digunakan sebagai kebenaran berkahwin di bawah seksyen 17;
- (c) Borang 3 hendaklah digunakan sebagai kebenaran berkahwin di bawah seksyen 18;
- (d) Borang 4 hendaklah digunakan bagi butir-butir yang hendaklah dicatatkan dalam Daftar Perkahwinan di bawah seksyen 22;
- (e) Borang 5 hendaklah digunakan sebagai Perakuan Nikah di bawah seksyen 26;
- (f) Borang 6 hendaklah digunakan sebagai Kad Perakuan Nikah di bawah seksyen 26;
- (g) Borang 7 hendaklah digunakan bagi permohonan untuk mendaftarkan perkahwinan luar negeri dan perkahwinan terdahulu masing-masing di bawah seksyen 31 dan 33;
- (h) Borang 8 hendaklah digunakan dalam mengemukakan butir-butir mengenai permohonan untuk mendaftarkan perkahwinan luar negeri dan perkahwinan terdahulu masing-masing di bawah seksyen 31 dan 33;
- (i) Borang 9 hendaklah digunakan sebagai salinan catatan dalam Daftar Perkahwinan yang diperakui sah bagi perkahwinan di luar negeri di bawah seksyen 31;
- (j) Borang 10 hendaklah digunakan bagi permohonan untuk perceraian di bawah seksyen 47;
- (k) Borang 11 hendaklah digunakan bagi permohonan untuk perceraian di bawah *ta'liq* di bawah seksyen 50;
- (l) Borang 12 hendaklah digunakan sebagai Perakuan Persekedudukan Semula (Ruju') di bawah seksyen 52;
- (m) Borang 13 hendaklah digunakan bagi permohonan untuk *fasakh* di bawah seksyen 53;
- (n) Borang 14 hendaklah digunakan sebagai permohonan untuk perakuan anggapan mati di bawah seksyen 54;
- (o) Borang 15 hendaklah digunakan sebagai Perakuan Anggapan Mati di bawah seksyen 54; dan
- (p) Borang 16 hendaklah digunakan sebagai Perakuan Perceraian di bawah seksyen 55.
